

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JULAI 2024
AKHBAR : ASTRO AWANI
PAUTAN : <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pengukuhan-ekonomi-ringgit-dorong-malaysia-capai-status-berpendapatan-tinggi-menjelang-2027-rafizi-481126>

Pengukuhan ekonomi, ringgit dorong Malaysia capai status berpendapatan tinggi menjelang 2027 – Rafizi



Menteri Ekonomi Rafizi Ramli menyampaikan ucapan pada Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi 2024 di Putrajaya hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Malaysia mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2027 sekiranya ekonomi negara tumbuh empat hingga lima peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh sekitar RM4.20 berbanding dolar AS, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau berkata sekiranya sasaran ini dapat dicapai, Malaysia akan dilihat sebagai negara berpotensi yang seterusnya berupaya bangkit kembali menjadi 'Harimau Asia'.

"Piawaian ini adalah yang lebih mudah (untuk melayakkan Malaysia mendapat status tersebut). Ia juga bergantung kepada kemampuan kita menjadi hab kewangan

antarabangsa di samping prestasi Bursa Malaysia yang positif," kata Rafizi pada sidang media selepas majlis pelancaran Penemuan Banci Ekonomi 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), di sini, hari ini.

Sebelum ini Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan berkata Malaysia sedang berada di landasan untuk mencapai semula status Harimau Asia.

Ini berdasarkan tinjauan positif daripada penganalisis dan agensi penarafan, disokong oleh angka ekonomi negara yang memberangsangkan.

-- BERNAMA